

24/04/1999

PM tidak simpan wang di bank Yahudi

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyimpan wang di bank milik Yahudi di Israel.

Beliau menyifatkan tuduhan itu sebagai satu cara untuk menimbulkan kebencian rakyat terhadap pemimpin negara ini terutama pemimpin kerajaan dan Barisan Nasional.

"Saya diberitahu oleh beberapa rakan yang nama mereka dikaitkan dengan isu berkenaan dan kononnya mempunyai akaun bank di Israel, sedangkan mereka tidak tahu menahu mengenainya dan tidak pernah berbuat demikian," katanya.

Beliau mempersoalkan tindakan itu dan menurutnya untuk apa pemimpin negara menyimpan wang di bank milik Yahudi itu kerana ia tidak memberi apa-apa makna.

Abdullah berharap rakyat tidak terus mempercayai tuduhan liar seperti itu kerana ia mempunyai kepentingan politik terutama dalam suasana menghadapi pilihan raya umum yang dijangka tidak lama lagi.

Tumpuan Malaysia katanya, bukan untuk melayani perkara seperti itu tetapi memulihkan ekonomi supaya rakyat berada dalam keadaan selesa, aman dan dapat menghadapi alaf akan datang dengan keadaan yang lebih baik.

(END)